

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021
DIBAWAH KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
KEMENTERIAN SUMBER - SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN				
1	Penubuhan Bahagian Perundangan dan Pematuhan	Struktur Organisasi	<p>Bagi meningkatkan keupayaan memberikan perkhidmatan perundangan kepada jabatan - jabatan dan juga mengukuhkan pematuhan kepada perjanjian-perjanjian yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP). Dengan menaikkan Unit Perundangan kepada Bahagian Perundangan dan Pematuhan, Bahagian berkenaan akan lebih fokus untuk menjalankan fungsi dan peranannya antara lain seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memberikan nasihat dari segi perundangan yang berkaitan dengan akta, perintah, peraturan, Memorandum Persefahaman (<i>Memorandum of Understanding - MOU</i>), kontrak perjanjian dan lain - lain perkara yang berkaitan dengan perundangan di KSSUP; - Menyelaras, meneliti serta menyediakan kontrak perjanjian, MoU dan lain - lain dokumen yang berkaitan perundangan di KSSUP; - Menggubal / membuat pindaan terhadap akta, perintah, peraturan dan lain - lain dokumen yang berkaitan dengan perundangan KSSUP; - Membantu jabatan - jabatan di bawah KSSUP dalam meneliti, mengemaskini dan menyediakan akta, perintah, peraturan, MoU, kontrak perjanjian dan lain - lain perkara yang berkaitan dengan perundangan; - Memberikan cadangan pembaikan yang bersesuaian berkaitan dengan akta / perintah / peraturan / undang - undang / dasar / <i>Standard Operating Procedure (SOP)</i> kepada Bahagian - Bahagian dan Jabatan - Jabatan di bawah KSSUP, jika diperlukan. 	Menubuhkan Bahagian Perundangan dan Pematuhan di Kementerian Sumber - Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dengan menaikkan Unit Perundangan di Bahagian Dasar dan Perancangan, KSSUP menjadi satu Bahagian, iaitu Bahagian Perundangan dan Pematuhan.
2	Skim Perkhidmatan Jabatan Kemajuan Pelancongan (JKP)	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Meneliti semula jawatan - jawatan dalam bidang pelancongan dari segi gelaran jawatan, tanggungjawab serta syarat - syarat kelayakan agar ianya selaras dengan tugas dan tanggungjawab yang dijalankan serta bersesuaian dengan fungsi dan peranan JKP masa kini; • Menyediakan aliran kerjaya dalam bidang pelancongan yang mempunyai kesinambungan dari peringkat bawah hingga peringkat atasan sebagai satu galakkan dan dorongan kepada pegawai dan kakitangan untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik; • Memberikan peluang perkembangan kerjaya yang lebih sistematik dengan adanya aliran kerjaya yang teratur bagi pegawai dan kakitangan dalam bidang pelancongan; • Memudahkan pelaksanaan rancangan penggantian yang teratur bagi jawatan - jawatan di JKP. 	Menyediakan satu skim perkhidmatan yang lengkap khusus bagi jawatan dalam bidang pelancongan (Bahagian II dan ke bawah) yang antara lain bertujuan bagi memastikan pegawai dan kakitangan mempunyai aliran kerjaya yang teratur bagi membolehkan proses seperti pengambilan, kenaikan pangkat serta rancangan penggantian dilaksanakan dengan lebih terarah dan sistematik.

3	Penyelarasan Tanggagaji dan Skim Perkhidmatan Jawatan - Jawatan di Jabatan Perhutanan	Struktur Organisasi	<p>Penyelarasan ini bertujuan bagi memudahkan halatuju jabatan dalam mendokong Pelan Strategik KSSUP dengan objektif - objektif antaranya seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memaparkan halatuju baru dengan mengkaji semula jawatan - jawatan dalam Bahagian 1 JPh sebagai satu Jabatan di bawah KSSUP yang dapat merealisasikan sumbangan industri sektor perhutanan berteraskan kepada amalan pengurusan hutan lestari; - Membantu perkembangan laluan kerjaya (<i>career development path</i>) pegawai - pegawai kanan di JPh agar lebih teratur dan sistematik; - Melicinkan pelaksanaan pelan tindakan rancangan penggantian (<i>succession planning</i>) bagi jawatan - jawatan Bahagian I di JPh dan seterusnya dihasratkan agar dapat mempercepatkan lagi pengisian jawatan - jawatan utama di bahagian berkenaan. 	<p>Penyelarasan tanggagaji dan skim perkhidmatan jawatan - jawatan di Jabatan Perhutanan (JPh) ini adalah bagi menyelaraskan tanggagaji jawatan - jawatan dalam Bahagian I di JPh dan seterusnya mewujudkan skim perkhidmatannya.</p>
4	Pengemaskinian Skim Perkhidmatan dan Struktur Organisasi Jabatan Perikanan (JPI)	Struktur Organisasi	<p>Penyelarasan ini bertujuan bagi memudahkan halatuju jabatan dalam mendokong Pelan Strategik KSSUP dengan objektif - objektif antaranya seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penelitian terhadap jawatan - jawatan serta struktur organisasi JPI agar ianya bersesuaian dengan fungsi dan peranan masing-masing ke arah merealisasikan sumbangan terhadap industri perikanan; - Memberikan peluang perkembangan kerjaya (<i>career development</i>) yang lebih sistematik dengan adanya aliran kerjaya (<i>career path</i>) yang teratur; - Memudahkan bagi melaksanakan rancangan penggantian (<i>succession planning</i>) dan seterusnya dapat mempercepatkan lagi pengisian jawatan - jawatan utama. 	<p>Meneliti semula jawatan - jawatan serta struktur organisasi JPI agar ianya bersesuaian dengan fungsi dan peranan masing-masing ke arah merealisasikan sumbangan terhadap industri perikanan. Ianya juga akan dihasratkan bagi membantu JPI untuk mencapai hasil keluaran yang disasarkan melalui peningkatan keupayaan jentera pentadbiran dan pengurusan serta pembaikan dan pembaharuan organisasi agar lebih efisien dengan kualiti perkhidmatan yang lebih tinggi ke arah mencapai visi dan misi Pelan Strategik JPI.</p>
5	Pengemaskinian Skim Perkhidmatan dan Struktur Organisasi Jabatan Pertanian dan Agrimakanan (JPAM)	Struktur Organisasi	<p>Penyelarasan ini bertujuan bagi memudahkan halatuju jabatan dalam mendokong Pelan Strategik KSSUP dengan objektif - objektif antaranya seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengkaji semula fungsi dan peranan setiap Bahagian bagi memastikan Bahagian yang sedia ada adalah bersesuaian serta dapat merealisasikan sumbangan industri sektor pertanian, ternakan, tanaman dan agrimakanan; - Memberikan peluang perkembangan kerjaya (<i>career development</i>) yang lebih sistematik dan berkesan dengan adanya tugas dan tanggungjawab yang teratur bagi setiap Bahagian di mana pegawai dan kakitangan berkenaan ditempatkan; - Membolehkan rancangan penggantian (<i>succession planning</i>) dilaksanakan dengan lebih teratur dan seterusnya mempercepatkan lagi pengisian jawatan - jawatan utama. 	<p>Mengkaji fungsi dan peranan setiap Bahagian di JPAM bagi memastikan Bahagian - Bahagian yang sedia ada adalah bersesuaian serta dapat merealisasikan sumbangan industri sektor ternakan, tanaman, padi dan agrimakanan, disamping memperseimbangkan jawatan - jawatan dalam Bahagian I dengan Bahagian - Bahagian yang ada di JPAM.</p>
JABATAN PERHUTANAN				
6	Ekspo Produk Perakayuan Negara Brunei Darussalam	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Mempromosi produk-produk perakayuan yang dihasilkan oleh syarikat tempatan termasuk syarikat kilang papan dan syarikat hiliran perakayuan; • Untuk memberi pendekatan kepada orang ramai mengenai produk perakayuan tempatan yang berkualiti tinggi; • Untuk menggalakan keluaran produk 	<p>Ekspo Produk Perakayuan Negara Brunei Darussalam 2021 ini merupakan ekspo pertama yang diadakan di Negara Brunei Darussalam bagi mengetengahkan produk perakayuan tempatan. Ekspo ini telah diadakan selama 4 hari iaitu pada 18 Mac 2021 hingga 21 Mac 2021 bertempat di dewan Atrium, Airport Mall, bersempena dengan Hari Hutan Antarabangsa</p>

			<p>perkayuan tempatan dan mengurangkan pengimportan;</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Business matching</i> di antara pengusaha-pengusaha perkayuan. 	<p>2021. Sebanyak 15 buah syarikat termasuk pengusaha tempatan telah ikut serta dalam ekspo ini. Antara produk-produk yang dipamerkan dan dijual adalah seperti perabot kayu termasuk meja, kerusi, almari, katil, pintu, kraftangan serta hiasan rumah yang diperbuat daripada kayu</p>
7	Penstrukturan Baru Industri Perkayuan	Struktur Organisasi	<p>Objektif projek ini adalah untuk memperbaiki urustadbir syarikat - syarikat di bawah Sektor Perhutanan yang bergiat di dalam aktiviti - aktiviti pembalakan dan perkilangan papan dan seterusnya akan dapat memfokuskan kepada peningkatan keluaran syarikat masing-masing.</p>	<p>Sebelum ini, syarikat yang membuat aktiviti pembalakan menghasilkan kayu-kayu balak pada masa yang sama juga membuat aktiviti perkilangan papan menghasilkan kayu-kayu papan.</p> <p>Dengan perlaksanaan projek ini, syarikat-syarikat kilang papan yang diberikan Lesen untuk Mengambil Hasil Hutan (<i>Form 1/Form 3</i>) adalah dikehendaki untuk mengasingkan aktiviti pembalakan dan aktiviti perkilangan papan dengan penubuhan syarikat pembalakan yang baru khusus untuk mengendalikan operasi pembalakan sahaja. Ini adalah selaras dengan inisiatif Jabatan dalam memastikan operasi, struktur kewangan dan urustadbir setiap syarikat adalah jelas dan teratur.</p>
8	Program Penanaman 500,000 Pokok	Struktur Organisasi	<p>Memastikan bahawa sasaran untuk menanam 500,000 anak pokok baru menjelang tahun 2035 dapat dicapai, iaitu sekurang - kurangnya 32,500 anak pokok baru ditanam setiap tahun.</p>	<p>Program penanaman pokok ini adalah sebagai salah satu komitmen Jabatan selaku fokal utama bagi Strategi 2 (Liputan Hutan) di bawah Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam. Program ini menumpukan aktiviti penanaman di kawasan yang 'degraded' melalui aktiviti 'afforestation' dan 'reforestation'. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama dari pelbagai agensi Kerajaan, swasta dan badan-badan bukan Kerajaan (NGOs).</p>